

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, March 22, 2017 4:27 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: MSI/MyAgrosis Tingkat Kesedaran Mahasiswa Dalam Bidang Keusahawanan Tani Untuk Jana Pendapatan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



22 MAC 2017 / 23 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

**MSI/MYAGROSIS TINGKAT KESEDARAN MAHASISWA DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN
TANI UNTUK JANA PENDAPATAN**



UUM ONLINE: Bagi melahirkan graduan yang berjaya dalam bidang keusahawanan, Kelab Usahawan Siswazah Tani (MyAgrosis) UUM kini sedang menjalankan Program Kesedaran Keusahawanan dan Ekonomi Pertanian Untuk Membantu Mahasiswa UUM melalui Projek Tanaman Cendawan Kukur menggunakan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Majlis Perasmian dan Penyerahan Projek Inovasi Sosial MOSTI (MSI), Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Norsym Sdn Bhd itu telah dirasmikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau di Agrofarm, pagi tadi.

Dalam ucapan beliau berkata, program Kesedaran Keusahawanan Dan Ekonomi Pertanian Untuk Membantu Mahasiswa UUM melalui Projek Tanaman Cendawan Kukur bertujuan untuk merakyatkan teknologi dengan berkongsi teknologi yang ada dengan masyarakat dan juga mahasiswa yang berminat dengan teknologi penanaman cendawan kukur.

Menurutnya, di bawah platform MSI, MTDC telah diberi kepercayaan oleh MOSTI untuk menjalankan lapan program berteraskan teknologi untuk meningkatkan kesejahteraan hidup pelbagai lapisan

masyarakat yang akan melibatkan lapan pembekal teknologi yang terdiri daripada penerima Dana Pengkomersialan Hasil Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) dan universiti awam tempatan.

"Projek MSI yang dijalankan di UUM ini membabitkan penanaman cendawan kukur atau kulat sisir yang merupakan spesies cendawan yang tumbuh meliar pada kayu reput dan biasanya ditemui pada batang kayu getah.

"Sebanyak tiga (3) unit rumah cendawan telah dibina di tapak Agrofarm ini yang mana setiap rumah memuatkan sebanyak 5 ribu bongkah cendawan menggunakan sistem gantung dan setiap pelajar secara purata menghasilkan lebih kurang 100 bongkah cendawan yang boleh mengeluarkan hasil sebanyak 2 pusingan dalam tempoh 2 minggu bagi setiap bongkah tersebut yang akan menghasilkan 80 gram cendawan kukur.

"Purata hasil pengeluaran untuk sebuah rumah cendawan adalah sebanyak 400 kilogram (kg) sebulan dengan harga purata cendawan bagi setiap kg adalah RM30. Secara keseluruhan, tiga buah rumah cendawan ini boleh menjana pendapatan sebanyak lebih kurang RM36,000," katanya.

Datuk Seri Panglima berkata, kajian dan penyelidikan oleh MARDI telah berjaya menghasilkan teknologi pembenihan cendawan kukur menggunakan bioreaktor dalam persekitaran yang terkawal, sekali gus benih cendawan kukur dapat dihasilkan dalam kuantiti yang banyak pada masa yang singkat dan ini membolehkan penanaman cendawan kukur dilaksanakan secara komersil.

Ujarnya lagi, melalui program tersebut, mahasiswa didedahkan kepada program keusahawanan berteknologi dengan harapan akan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka yang terlibat dengan keupayaan untuk menjana pendapatan sampingan dan memupuk minat untuk menceburi bidang perniagaan tani.

Menurutnya, program itu juga secara tidak langsung menyokong sasaran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) agar lima peratus daripada graduan yang menamatkan pengajian terlibat dalam bidang keusahawanan menjelang 2020.

"Saya berharap projek ini dimanfaatkan ahli Kelab MYAGROSIS untuk menjana ekonomi pada masa yang panjang, bukan hanya melalui pemasaran produk cendawan kukur segar tetapi juga menghasilkan produk hiliran dan bongkah cendawan," katanya.

Projek MSI cendawan kukur yang bernilai RM260 ribu itu mula dijalankan pada bulan Ogos 2016 yang mengambil masa selama enam bulan itu melibatkan seramai 250 pelajar yang kebanyakannya daripada jurusan Sarjana Muda Perniagaan Tani UUM dan merupakan ahli MyAgrosis UUM iaitu sebuah kelab pelajar di bawah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) dan diselia oleh Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni Kolej Perniagaan UUM (PPACOB).

Menerusi program MSI/MyAgrosis ini, pelajar bukan sahaja berpeluang mempelajari ilmu penanaman cendawan kukur, tetapi juga turut menimba ilmu kewangan tani dan strategi pemasaran jualan sebagai sebahagian struktur latihan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Noor Azizi Ismail yang membacakan teks ucapan Naib Canselor berkata, di bawah bimbingan Norsym dan MTDC, pelajar berpeluang mempraktikkan segala ilmu pemasaran yang dipelajari dan seterusnya menuai hasil jualan.

Ujar beliau, UUM memberikan sokongan terhadap projek MSI menerusi penyediaan fasiliti dan tapak, sesi pengajaran ilmu penanaman cendawan kukur oleh para pensyarah perniagaan tani dari SEFB dengan kerjasama wakil Norsym serta pemantauan pelajar oleh PPACOB.

Katanya, dalam bidang perniagaan tani, UUM menerusi Kelab MyAgrosis dan program Sarjana Muda Perniagaan Tani juga mampu menawarkan '*a steady supply of quality agribusiness students*' yang diyakini mampu menjadi bakal usahawan tani atau bekerja di sektor pertanian negara yang berjaya kelak.

"Saya juga berharap MTDC dan MOSTI dapat bekerjasama dengan UUM untuk menjalankan lebih banyak projek kerjasama pintar pada masa akan datang.

"Semoga kejayaan projek MSI ini akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak kerjasama pintar tiga hala antara UUM, MOSTI dengan rakan industri," tambahnya.

Hadir sama, Setiausaha Bahagian Kanan (Dana & Pengkomersialan R&D) MOSTI, Suhaimi Hamzah; Ahli JPU, pegawai-pegawai kanan MOSTI, MTDC dan UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.